

Antara tanda ada masalah hutang

1. Tidak tidur dengan lena.

2. Tidak makan dengan betul.

3. Mudah marah atau terganggu apabila perbualan berpusat kepada isu-isu kewangan.

4. Tidak dapat memberikan tumpuan kepada kegiatan harian disebabkan tekanan daripada hutang yang memuncak.

5. Sentiasa kelihatan bermasalah dan dalam ketakutan.

Lazimnya, mereka akan ketakutan apabila telefon berdering dan takut membuka surat-surat mereka kerana takut menerima surat dan panggilan daripada kreditor.

6. Mengelak daripada menghadiri sebarang pertemuan atau kegiatan sosial bagi mengehadkan peluang bertemu dengan peminjam peribadi seperti kawan, adik-beradik atau ipar.

